

MAHATHIR - KLSE

(I) 1985

KULIM, 19 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS PARA PENIAGA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG TELAH MENCETUSKAN MANIPULASI DARIPADA PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (KLSE).

KATANYA SIKAP PARA PEDAGANG DI KLSE ITULAH YANG MENYEBABKAN KEJATUHAN PASARAN SAHAM BARU-BARU INI.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KILANG MARCONI (M) SDN. BHD. DI KAWASAN PERINDUSTRIAN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA KEGIATAN MEREKA ITU AKAN MEROSAKKAN EKONOMI NEGARA DAN DALAM JANGKA PANJANG MERUGIKAN WANG DAN MENYEBABKAN MEREKA BANKRAP.

BELIAU MENGGESA MEREKA YANG BERKENAAN SUPAYA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB BAGI MEWUJUDKAN KEYAKINAN KEPADA PASARAN ITU BAGI MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI PELABUR ASING KE NEGARA INI. -- LAGI
1942MST 19 07 85

MAHATHIR - KLSE 2 KULIM

KATANYA, PARA PELABUR LUAR TIDAK PERLU BIMBANG UNTUK MELABUR DI NEGARA INI KERANA KEADAAN POLITIKNYA STABIL.

BELIAU BERKATA, SEJAK MERDEKA, PARTI YANG SAMA TELAH MEMERINTAH NEGARA INI DAN DASAR ASASNYA TIDAK BERUBAH.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA, PENTADBIRAN NEGARA INI YANG AMAT CEKAP, ADALAH SALAH SATU FAKTOR UTAMA BAGI MENARIK PELABURAN. --
BERNAMA

1944MST 19 07 85

0370